

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 28/01/2008

PM: Suharto berbakti besar kukuhkan hubungan dua hala

Oleh AMRAN MULUP
dan NIZAM YATIM

SUBANG 27 Jan. – Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melahirkan rasa sedih atas kembalinya ke rahmatullah bekas Presiden Indonesia, Suharto petang ini.

“Saya dan rakyat Malaysia seluruhnya berasa sedih atas kehilangan Pak Harto kerana semasa beliau menjadi Presiden, Indonesia telah dapat menjalinkan hubungan yang begitu baik dengan Malaysia.

“Kita sangat menghargai beliau yang telah memberi banyak kebaikan kepada kedua-dua buah negara,” ujar Perdana Menteri ketika ditemui di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang di sini hari ini.

Abdullah yang menghadiri Forum Ekonomi Dunia (WEF) di Davos, Switzerland tiba di Pangkalan TUDM itu pukul 3.40 petang ini.

Suharto meninggal dunia pada pukul 1.10 petang ini waktu tempatan (2.10 waktu Malaysia).

Pengumuman kematian bekas Presiden berusia 86 tahun itu dibuat oleh bekas Menteri Setiausaha Negara Indonesia, Moerdiono melalui satu siaran radio selepas pasukan Doktor Presiden yang merawat Suharto mengesahkan bekas Presiden itu telah

meninggal dunia.

Suharto yang memerintah Indonesia selama 32 tahun dari 1966 hingga 1998 dimasukkan ke Hospital Pusat Pertamina, Jakarta Selatan pada 4 Januari lalu.

Abdullah turut menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham bekas Presiden Indonesia itu.

“Mudah-mudahan Pak Harto ditempatkan di dalam syurga di kalangan orang yang soleh.

“Kita mendoakan mudah-mudahan Allah akan mencucuri rahmat kepada Allahyarham Pak Harto,” ujarnya.

Perdana Menteri berkata, timbalannya, Datuk Seri Najib Tun Razak akan mewakili Malaysia menghadiri pengebumian bekas Presiden Indonesia itu.

Selain Najib, menurut beliau, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam dan Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin Maidin akan turut hadir ke upacara itu.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, negara-negara ASEAN kehilangan seorang pemimpin yang banyak memberikan sumbangan kepada pertubuhan serantau itu.

“Kita kehilangan seorang wira di rantau ini dan saya mendoakan roh beliau diletakkan di kalangan



ABDULLAH Ahmad Badawi bersama isteri, Jeanne Abdullah (kanan) disambut Ketua Menteri Melaka, Mohd. Ali Rustam (tiga dari kiri) dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan (empat dari kiri) setiba beliau dari Davos, Switzerland di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia, Subang, semalam.

orang yang beramal soleh,” ujarnya.

Beliau berkata, peranan utama lain yang telah dimainkan oleh

Suharto ialah mewujudkan hubungan yang amat erat antara Indonesia dan Malaysia.

“Ini satu kehilangan yang besar

kepada kita dan saya ingin menyampaikan perasaan sedih dan ucapan takziah kepada kaum keluarga Allahyarham,” katanya.